

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN NG WEI AIK
KAWASAN : TANJONG

SOALAN:

YB. TUAN NG WEI AIK (TANJONG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Penang Bridge Sdn. Bhd. (PBSB) akan diarahkan untuk menurunkan papan-papan tanda digital yang dipasang di jalan-jalan raya menuju ke Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, di mana maklumat-maklumat yang dipaparkan mengelirukan pemandu-pemandu dengan tujuan mereka dipengaruhi untuk lebih cenderung menggunakan Jambatan Pulau Pinang dan seterusnya menggagalkan usaha Kerajaan Persekutuan membina Jambatan Kedua Pulau Pinang bagi tujuan mengurangkan kesesakan lalulintas di atas Jambatan Pulau Pinang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, papan tanda digital yang dimaksudkan itu merujuk kepada papan tanda elektronik atau 'Variable Message Sign' (VMS) yang dipasang oleh syarikat Jambatan Kedua Sendirian Berhad (JKSB), iaitu pemegang konsesi untuk Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Ia bertujuan untuk memberikan maklumat tambahan kepada pengguna mengenai perbandingan tempoh masa perjalanan dan pemilihan laluan jambatan yang lebih lancar. Ini bermakna pengguna boleh membuat pilihan sama ada ingin menggunakan Jambatan Pulau Pinang atau Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah untuk ke tanah besar dengan berpandukan kepada maklumat semasa yang tertera di papan tanda VMS berkenaan.

Sekian, terima kasih.